



Buletin MDPH

Majlis Daerah Pengkalan Hulu

Bilangan 2 | Dec /2012 | w: www.mdph.gov.my | e: urusetia@mdph.gov.my | t: 04-4778147 | f: 04-4778735

**Edisi Jom teroka!
Pelancongan**

Aspirasi Yang Dipertua



Assalamualaikum warahmatullah dan salam 1 Malaysia.

Saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izinnya maka penyediaan Buletin Majlis Daerah Pengkalan Hulu ini dapat disempurnakan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan syabas kepada warga Majlis Daerah Pengkalan Hulu yang terlibat dalam menghasilkan buletin yang buat julung kali diterbitkan.

Buletin ini diterbitkan bertujuan memberikan informasi kepada semua warga Majlis Daerah Pengkalan Hulu sempena Tahun Melawat Perak 2012. Selain itu, diharap penerbitan buletin ini menjadi wadah informasi tentang pelancongan di daerah Pengkalan Hulu.

Besar harapan saya agar penerbitannya dapat diteruskan sebagai penghubung ikatan MDPH dan juga masyarakat umum.

Sebian, wassalam.

Encik Syukri Bin Azaari

Yang Dipetua

Majlis Daerah Pengkalan Hulu

Dari Kamar Setiausaha



Assalamualaikum warahmatullah dan salam 1 Malaysia.

Syukur dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan keizinannya terhasil Buletin Majlis Daerah Pengkalan Hulu (MDPH) Edisi Khas Pelancongan yang pertama kali diterbitkan. Sekalung tahniah dan terima kasih kepada sidang redaksi dan warga MDPH yang terlibat dalam penerbitan buletin ini.

Semoga penerbitan buletin ini dapat mempromosikan produk-produk pelancongan di Pengkalan Hulu yang jarang diketahui umum. Inisiatif yang di bina oleh MDPH sedikit sebanyak diharapkan dapat membantu merancakkan agenda pelancongan Pengkalan Hulu dan selaras dengan visi MDPH iaitu BANDAR SEMPADAN BERDAYA MAJU DAN INDAH MENJELANG 2015.

Sebian, wassalam

Encik Mohd Huh Nizam Bin Abdul Aziz

Setiausaha

Majlis Daerah Pengkalan Hulu

Isi Kandungan

Dari Kamar YDP	2
Dari Kamar Sebiasaha	2
Isi Kandungan	3
Sidang Redaksi	3
Lapangan Golf	4
Taman Tasik Takong	5
Lombong Bijih Timah	6
Kompleks Bebas Cukai	7
Kolam Air Panas	8
Gua Gendang	9

Sidang Redaksi

DENAUNG

En. Syukri Bin Azzari

DENASIHAT

En. Mohd Shah Nizam Bin Abdul Aziz

KETUA EDITOR

Cik Raziedaharini Binti Kasim

DENVELARAI

En. Hairul Azwan Bin Ahmad

En. Mohd Jailani Bin Hasyim

Pn. Azuriani Binti Aziz

Pn. Harliza Binti Harun

Cik Norhafifah Binti Jusoh

Cik Norsuhaila Binti Che Mohammad

REKABENTUK GRAFIK

Pn. Norhayati Binti Halim

JURUFOTO

En. Hairul Azwan Bin Ahmad

MAJLIS DAERAH PENKALAN HULU

Jalan Pejabat

33100 Pengkalan Hulu

Perak Darul Ridzuan

t: 04-4778148

f: 04-4778735

w: www.mdpk.gov.my

e: urusetia@mdpk.gov.my

Lapangan Golf Pengkalan Hulu ini terletak berdekatan dengan bandar dan Taman Tasek Pengkalan Hulu. Ia juga merupakan faktor perlancongan yang penting di dalam Bandar Pengkalan Hulu. Lapangan Golf ini mengadungi sembilan (9) lubang dan di selenggarakan oleh pihak swasta.

Lapangan Golf Pengkalan Hulu juga dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi seperti kantin, surau, tempat rehat, tandas dan bilik mandi.



Lapangan Golf





Taman Tasik Takong

Taman Tasik Takong ini terletak berdekatan dengan Bandar Pengkalan Hulu dan ia menjadi tumpuan penduduk disini menjalankan pelbagai aktiviti riadah terutamanya kanak-kanak. Di Taman ini telah disediakan dengan alat permainan kanak-kanak dan juga jogging track.

Taman Tasik ini juga menjadi tumpuan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Ahli Belia Dan Sukan serta lain-lain agensi kerajaan menjalankan pelbagai aktiviti-aktiviti lasak seperti berkanoyak, Abselling, Flying Fox dan sebagainya.



Pasukan Bomba dan Penyelamat sedang mengadakan pelbagai aktiviti lasak di tasik

Kawasan perlombongan Bijih Timah (Rahman Hidrolik) ini terletak berdekatan dengan Pekan Klian Intan. Kawasan perlombongan ini berpotensi untuk di jadikan sebagai sumber perlancongan. Ini kerana masih ramai yang belum pernah melihat bijih timah dan proses pengendalian.

Selain itu MDPH juga bercadang untuk mewujudkan satu muzium bagi mempamerkan khazanah-khazanah lama yang terdapat di dalam kawasan perlombongan tersebut seperti jentera-jentera lama yang digunakan untuk memproses bijih.



RAHMAN HYDRAULIC TIN BERHAD

*Lombong
Bijih Timah*



KOMPLEKS BEBAS CUKAI

SERUNTUN MAJU SDN BHD
(DAGI 11)

Kompleks Bebas Cukai

Kompleks bebas cukai yang juga dikenali sebagai The Zone merupakan salah satu produk perancangan yang terdapat di Bandar Pengkalan Hulu. Kedudukan kompleks ini terletak lebih kurang 7 kilometer dari Bandar Pengkalan Hulu. Terdapat pelbagai barangan dan makanan dijual di sini diantaranya ialah pinggan-mangkuk, minyak wangi, pakaian, beg tangan, coblat dan lain-lain.



Kolam air panas ini terletak di dalam kawasan Chalet Air Panas iaitu hanya kira-kira 5km dari Bandar Pengkalan Hulu. Ia menjadi tarikan utama bagi Chalet Air Panas.

Air panas semulajadi ini berwarna seperti air tanah atau selut serta keruh adalah kerana tidak ditapis bagi mengekalkan keasliannya yang terhasil dari tindakbalas sulfur (belerang) dalam tanah.

Sulfur (belerang) yang berwarna coklat ini melekat di sekeliling kolam. Air panas ini dijamin selamat serta bersih kerana kolam ini dicuci seminggu sekali dan air tersebut disalurkan keluar dan air panas yang baru akan disalurkan masuk semula ke kolam.

Pihak Chalet Air Panas juga turut dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bilik mesyuarat, surau dan dewan makan bagi kemudahan pengunjung.

Kalam Air Panas



TAMUKAH ANDA????

Air panas semulajadi ini berwarna seperti air tanah atau selut serta keruh kerana ia tidak ditapis bagi mengekalkan keasliannya yang terhasil dari tindakbalas sulfur (belerang) dalam tanah. Sulfur (belerang) yang berwarna coklat ini melekat di sekeliling kolam. Air panas ini dijamin selamat serta bersih kerana kolam ini dicuci seminggu sekali dan air tersebut disalurkan keluar dan air panas yang baru disalurkan masuk semula ke

Gua Gendang



Gua Gendang merupakan salah satu destinasi perlancongan utama yang terletak di Persekitaran Hulu. Lokasi perletakannya adalah sebanyak 6 kilometer dari Dangsan Hulu dan 1 kilometer dari Tasek. Gua Gendang ini telah diadakan ramai pelancong dari pelbagai pelusub negeri. Ia juga menawarkan pelbagai aktiviti – aktiviti yang merangsang seperti mendaki merentas hutan, menerokai gua dan sebagainya.

Gua Gendang juga di jenali sebagai Kompleks Perlancongan Gua Gendang dan telah dibenarkan pada tahun 1994. Ia merupakan destinasi para peserta dari pelbagai bidang termasuklah Kursus Kem Motivasi dan Rekreasi seperti dari Jabatan Tadbinan Awam Negara (JNTAN), Maktab-Maktab Perguruan, Badan-Badan Berkanun, IPTA dan sebagainya.

Selain itu ia juga merupakan destinasi para ahli Jawatan Dana Galas Awam (JGA) mengadakan Kursus Induksi.

Pengkalan Hulu merupakan

pekan yang agak terpencil di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan. Kedudukannya yang unik di mana bahagian utaranya bersempadan dengan Thailand, sementara sebelah baratnya pula adalah negeri Kedah. Pekan-pekan yang berhampiran adalah Pekan Daerah Baling di Negeri Kedah dan Pekan Daerah Betong di Thailand yang jaraknya adalah lingkungan 15 km dan di negeri Perak pula Pekan Daerah Gerik adalah yang terhampir iaitu dengan jarak lingkungan 30 km.

Pengkalan Hulu dahulunya dibe-

nalinya namanya sebagai '**Keroh**', telah disifatkan sebagai tempat buangan bagi Penjawat-penjawat Awam dan juga terkenal sebagai '**Pekan Cowboy**'. Nama Keroh telah ditukar kepada Pengkalan Hulu kerana Daerah ini merupakan sebuah pengkalan bagi laluan awam dari timur ke barat melalui Lebuhraya Timur Barat, bahkan adalah merupakan sebuah pengkalan yang satu-satunya di negeri Perak kepada pengunjung yang ingin menuju ke Daerah Betong di Thailand. Mengambil sempena kedudukan inilah, maka Almarhum Sultan Perak yang terdahulu telah berkenan untuk meminda nama **Keroh** kepada Pengkalan Hulu.

SUMBER- SUMBER UTAMA YANG DIKENAL- PASTI DI BAWAH PENYELENGGARAAN Majlis Daerah Pengkalan Hulu.

Sumber-sumber ini terbahagi kepada empat (4) bahagian utama iaitu:-

Aktiviti Riadah Dan Rekreasi

- Gua Gendang
- Padang Golf
- Taman Tasek Pengkalan Hulu
- Hutan Lipur Sungai Hitam

Penginapan

- Chalet Air Panas
- Chalet Sri Tasek
- Rumah Rehat
- Rumah Tamu
- Hotel Shahaz
- Hotel Iskandar
- Hotel Hilltowne
- Hotel Pengkalan Hulu City

Peluang Membeli belah

- Kompleks Sempadan The Zone
- Kompleks Dataran MDPH
- Gerai-Gerai Lain

Sejarah Dan Penyelidikan

- Kawasan Perlombongan Bijih Timah

Pengkalan Hulu
Bandar Pelancangan